

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan: UKM.KPD.ODL.600-4/2/2

Tarikh: 9 Februari 2025

Semua Pelajar ODL,
Semester 2, Sesi akademik 2025-2026

Tuan/Puan

PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 2, SESI AKADEMIK 2025-2026 (JANUARI 2026)

Merujuk kepada perkara di atas,

Dimaklumkan bahawa minggu peperiksaan akhir dan penilaian akhir bagi program Secara Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) Semester 2, Sesi Akademik 2025-2026 (Januari 2026) adalah bermula pada 6 April 2026 sehingga 12 April 2026. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi setiap kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, Tuan/Puan dikehendaki membuat pengesahan kursus bagi Semester 2 Sesi Akademik 2025-2026 melalui **SMPE** mulai **2 Mac hingga 8 Mac 2026 (Minggu ke – 9)**. Sila tekan butang **SAH** sekiranya senarai kursus yang telah didaftarkan di **SMPE** adalah betul. Sekiranya, Tuan/Puan tidak membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat kursus, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Butiran ini akan digunakan bagi proses persediaan peperiksaan/penilaian akan datang.

Pelajar yang ingin membuat perubahan dan **GAGAL** membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak RM50.00. Oleh itu, Tuan/Puan dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Pelajar hendaklah memastikan kursus yang didaftarkan di **SMPE** adalah sama dengan kursus yang ditawarkan oleh Bahagian ODL UKM di [Senarai Penawaran Kursus Semester 2, Sesi Akademik 2025-2026 \(Januari 2026\)](#).

Sekian, Terima Kasih



ARDILLA BINTI MUHAMMAD ASRI

Penolong Pendaftar

Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Program ODL UKM

sk:

- Penyelaras Program ODL
- Bahagian Akademik, UKMShape
- Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat UKMShape



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL (UKMSHAPE)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: +603-8927 2120 E-mel: odl@ukm.edu.my Web: www.ukmodl.com